



## KENYATAAN MEDIA

25 Januari 2015

### **UniMAP-UMK SEMARAKKAN HUBUNGAN STRATEGIK**

Pengkalan Chepa, 25 Januari- Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sepakat menjalinkan kerjasama dalam memperkasakan bidang keusahawanan.

Hasrat berkenaan dicapai ketika lawatan penanda aras Pejabat Naib Canselor (PNC) UniMAP ke UMK, di sini, semalam.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof Emeritus Dr. Kamarudin Hussin berkata, UMK merupakan universiti yang mempunyai kepakaran dalam bidang keusahawanan sekaligus menarik minat UniMAP untuk mengadaptasi kepakaran itu di universiti kejuruteraan berkenaan.

Katanya, beliau berharap perkongsian bijak (Smart Partnership) akan dapat diteruskan dengan fokus UniMAP adalah dalam bidang pertanian manakala UMK dalam bidang keusahawanan.

“Sebagai antara universiti muda, UniMAP sentiasa melihat ruang dan peluang yang ada untuk menjalinkan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak bagi berkongsi idea dalam meningkatkan mutu penyelidikan di samping mencari peluang untuk menjana pendapatan sendiri.

“Saya berharap kerjasama strategik seperti ini akan menjadi medan utama dalam menghasilkan produk penyelidikan yang memberikan pelbagai

kebaikan kepada seluruh masyarakat dan kita bersama” beliau berkata demikian selepas mengetuai lawatan penanda aras berkenaan semalam.

Kehadiran delegasi dari UniMAP ini disambut oleh Naib Canselor UMK, Dato’ Prof Dr. Mortaza Mohamed dan pengurusan tertinggi UMK.

Menurut Dr Kamarudin, lawatan tersebut sebagai pengukuh ikatan antara kedua-dua Universiti serta menyemarakkan hubungan yang sedia terjalin sekaligus membuktikan bahawa UniMAP dan UMK komited dalam mengadakan kerjasama yang menguntungkan kedua-dua pihak.

“Lawatan ini juga bertujuan untuk bertukar pendapat dan pengalaman terutama dalam hal-hal berkaitan pengurusan pentadbiran terutama di Pejabat Naib Canselor yang menjadi pengantara hubungan UniMAP dengan universiti-universiti lain.”

“Selain itu , jalinan hubungan yang terjalin antara UniMAP dan UMK diharapkan akan terus mekar dan mampu menyumbang kepada perkembangan pendidikan dan memberi manfaat dari segi peningkatan ilmu pengetahuan                          kedua-dua                          universiti,”                          katanya.

Beliau percaya kerjasama antara UniMAP dan UMK adalah saling menyokong antara satu sama lain, lebih-lebih lagi untuk meningkatkan kecekapan sumber manusia, mengoptimum input untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan kecekapan tadbir urus universiti.

**Dikeluarkan Oleh :**

**Mohd Khairul Effendi Che Wan**

Penolong Pegawai Unit Komunikasi Korporat (UKK) UniMAP